



23.09.2021

Kepada: Pengetua

Tuan/Puan/Datuk/Datin/Dr

KEPUTUSAN KELULUSAN PENYERTAAN

Perkara di atas dirujuk. Pihak penganjur amat berbesar hati dan mengucapkan tahniah kepada pihak Tuan kerana berjaya dipilih untuk menyertai pertandingan di bawah:

PERTANDINGAN NYANYIAN KANAK-KANAK

Sila isikan **BORANG PENDAFTARAN** , **SLIP JAWAPAN** , **maklumat** dan hantar kepada info@misec1.com pada atau sebelum 09.10. 2021.

2. Untuk makluman Tuan/Puan, program PERAK INTERNATIONAL FOLKLORE FESTIVAL diadakan setiap tahun dan mendapat kelulusan dan sokongan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sekian, terima kasih

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Ramli B Abu Itam".

RAMLI B ABU ITAM, AMP.

Penasihat MISEC

Syarat-syarat Pertandingan 2

1 PENDAFTARAN PESERTA

1. TAHNIAH! Sekolah Tuan/Puan/Datuk/Datin/Dr telah dipilih untuk menyertai PERAK INTERNATIONAL FOLKLORE FESTIVAL anjuran MISEC bersama UITM, Tourism Perak dan dilulus dan diiktiraf of Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Semua peserta diberikan Sijil (Penyertaan, Pencapaian dan Penghargaan) yang bertaraf antarabangsa dan diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
3. Sila isi BORANG PENDAFTARAN PESERTA dan hantar kepada Penganjur sebelum **09.10.2021**.

2 PERSEMBAHAN: NYANYIAN KANAK-KANAK

- 1) Pertandingan terbuka kepada kanak-kanak (lelaki dan perempuan) yang berumur 13 tahun ke bawah.
- 2) Nyanyian adalah bebas : Solo, Berduet atau Berkumpulan.
- 3) Penyanyi diwajibkan menyanyi lagu yang disediakan.
- 4) Penyanyi boleh menggunakan 'Minus -One' yang disediakan atau
- 5) Penyanyi boleh menggubah (rearrange) semula lagu ini tanpa mencatitkan keaslian lagu ini dari segi Melodi, Lirik dan lagu.
- 6) Bagi persembahan 'Berduet' atau 'Kumpulan' perlu mengambil kira Penjarakkan atau secara "collage".
- 7) Bagi Kategori Persembahan Terbaik, penyanyi boleh memasukkan unsur kreativiti, seperti 'special effect' bagi bunyi, 'green screen', tanyang power point, tayangan gambar pada backdrop dan lain-lain cara untuk meningkatkan mutu persembahan atau nyanyian.

3 BENTUK PERSEMBAHAN

1. Majlis Perasmian dan Penutup adalah secara 'LIVE'. Video hendaklah dihantar kepada alamat email seperti di bawah:

UNIT TEKNIKAL MISEC: czulhilmy95@gmail.com (up: AMY)

2. Apabila pihak Tuan/Puan/Datuk/Datin menghantar video sila pastikan " sound system" yang jelas dan elakkan suara pembalikan. Durasi video adalah tidak melebihi 10 minit. Sila hantar video yang siap pada atau sebelum **23.10.2021** .

3. Pihak MISEC dan Ketua Unit Teknikal akan berusaha untuk memastikan semuanya berjalan dengan lancar dan diharapkan tiada aral melintang dari segi teknikal. Jika berlaku sebarang gangguan letrik atau gangguan talian, pihak peserta diharap dapat bersabar.

4 PENILAIAN /JURI

4.1 Pertandingan NYANYIAN KANAK-KANAK

- i). Jenis Persembahan : BEBAS
- ii). Jangka Masa : tidak melebihi 10 minit.
- iii). Bilangan Peserta: Minimum 5 - 10 orang
- iv). Bilangan Pegawai (Pengetua, Jurulatih, Penasihat dll): 4 orang

JURI :

1. Juri bagi Pertandingan Nyanyian Kanak-kanak

1.1 Ketua Juri: En. Wooi Sin Ho (Malaysia)

1.2 Juri 1 : Pn Chan Kee Wai

1.3 Juri 2: En Yew Zhi Yong

1.4 Juri 3: En Jamal Ikhsan bin Mohd Noor

4.2 Penilaian Juri

4.21. PERTANDINGAN NYANYIAN KANAK-KANAK

Kategori Pencapaian:

- i) Best Singer With Gold Medal/ Silver/ Bronze
- ii) Best Performance With Gold Medal/ Silver/ Bronze

4.3 Hadiah/ Sijil/ Plak

Hadiah Pertandingan Nyanyian:

1) Johan Penyanyi Terbaik :

- Sijil Pencapaian (Penyanyi Terbaik)
- Sijil Penyertaan dan Plak
- Wang :Johan: USD 50, Ke 2: USD40,
Ke 3: USD30
- 5 Pemenang Sagu Hati:
- Sijil Pencapaian dan Plak

2) Johan Persembahan Terbaik :

- Sijil Pencapaian (Penyanyi Terbaik)
- Sijil Penyertaan dan Plak
- Wang :Johan: USD 50, Ke 2: USD40,
Ke 3: USD30
- 5 Pemenang Sagu Hati:
- Sijil Pencapaian dan Plak

5 TUNTUTAN HAK CIPTA

5.1 **Semua karya** penyertaan akan menjadi hak milik MISEC.

5.2 MISEC berhak menggunakan karya penyertaan untuk program yang dianjurkan oleh MISEC pada masa akan datang.

5.3 Karya-karya yang dipilih sebagai pemenang akan menjadi hak MISEC untuk dipamerkan di pejabat-pejabat frontliner seperti hospital, balai polis, balai bomba, tempat-tempat awam dan lain-lain.

6 RAYUAN

6.1 Keputusan pengadil adalah MUKTAMAD. Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan dikenakan bayaran RM500.00. Wang ini tidak akan dikembalikan.